

# Lawatan PM ke Arab Saudi bertaraf Tetamu Negara

Nota Diplomatik sahkan ada program kunjungan hormat dengan Raja Salman

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Luar mengesahkan sudah membuat persiapan awal lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Arab Saudi, termasuk mengadakan beberapa siri perbincangan bersama Kedutaan Besar Arab Saudi di Kuala Lumpur dan pertemuan dengan Duta Besar Arab Saudi di kementerian selepas mendapat cadangan tarikh lawatan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata Wisma Putra menerima Nota Diplomatik daripada Kedutaan Besar Arab Saudi bertarikh 21 Mac lalu yang mengesahkan tarikh lawatan rasmi Perdana Menteri ke Arab Saudi.

Beliau berkata, Nota Diplomatik yang sama turut diterima pada tarikh sama oleh Kedutaan Besar Malaysia di Riyadh daripada Kerajaan Arab Saudi.

Katanya, kedua-dua Nota Diplomatik itu merujuk kepada lawatan Perdana Menteri pada 22 hingga 25 Mac termasuk program kunjungan hormat dengan Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud dan Putera Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al Saud.

"Kedua-dua Nota Diplomatik jelas menyatakan Kerajaan Arab Saudi mengalu-alukan lawatan termasuk pelaksanaan ibadah



Delegasi Malaysia diberikan taraf Tetamu Negara penuh membabitkan penyediaan kenderaan, penginapan dan liputan keselamatan oleh Saudi Royal Guard dan pegawai protokol daripada Majlis Diraja Arab Saudi.

umrah di Makkah dan ziarah di Madinah Al Munawwarah.

"Nota Diplomatik adalah antara komunikasi paling rasmi antara kerajaan dengan kerajaan," katanya dalam kenyataan dikeluarkan, semalam.

#### Tindakan tidak adil

Susulan itu, Zambry berkata, isu lawatan Perdana Menteri ke Arab Saudi itu sengaja dimainkan secara negatif oleh kelompok tertentu dan tindakan itu jelas tidak adil kepada kementerian, kerajaan dan Kerajaan Arab Saudi.

Beliau berkata, ini kerana perkara yang dibangkitkan itu lebih bersifat spekulasi dan jauh menyimpang daripada fakta sebenar berhubung lawatan itu.

"Kita sudah mengatur urus persiapan awal perjalanan lawatan rasmi Perdana Menteri ke Arab Saudi secara profesional dan berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) bagi lawatan rasmi pemimpin ke luar negara.

"Secara keseluruhan program

Perdana Menteri berjalan lancar bermula dengan ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Abdulaziz, Jeddah pada pagi 22 Mac.

"Delegasi Malaysia kemudian diberikan taraf Tetamu Negara penuh membabitkan penyediaan kenderaan, penginapan dan liputan keselamatan oleh Saudi Royal Guard dan pegawai protokol daripada Majlis Diraja Arab Saudi (Royal Court).

"Kemudahan taraf Tetamu Negara ini turut diperuntukkan ketika pelaksanaan ibadah umrah di Makkah yang mana lebih 50 anggota keselamatan mengiringi Perdana Menteri, begitu juga ziarah di Madinah," katanya.

Zambry berkata, delegasi Malaysia menerima maklumat supaya tempoh lawatan dipanjangkan daripada tempoh asal bagi mengatur sesi kunjungan hormat dan pertemuan dengan kepimpinan tertinggi Arab Saudi.

"Bagaimanapun, delegasi Malaysia sudah menjelaskan secara baik bahawa permintaan itu tidak dapat dipenuhi disebabkan komitmen

Perdana Menteri yang ditetapkan awal sebelum lawatan.

"Ini termasuk Majlis Iftar bersama Yang di Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong di Istana Negara pada 25 Mac dan lawatan ke Kemboja pada 27 Mac," katanya.

Zambry berkata, lawatan Perdana Menteri mencerminkan komitmen Malaysia untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama antara kedua-dua negara ke tahap lebih kukuh dan komprehensif.

"Dalam konteks ini, Perdana Menteri mengadakan perjumpaan dengan beberapa pemimpin Islam termasuk Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Setiausaha Agung Liga Muslim Sedunia (MWL) dan Presiden Bank Pembangunan Islam (IsDB)," katanya.

Selain itu, beliau berkata, berdasarkan perjalanan dan hasil lawatan menggambarkan kepentingan hubungan diplomaik dan kerjasama di antara Malaysia dan Arab Saudi yang dianggap rakan strategik.